

**TEKNIK PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR DEWASA
DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

NORMAH BINTI ZAKARIA

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Huseein Onn Malaysia

APRIL 2007

Teristimewa

Buat keluarga yang tercinta terutama kepada ayahanda, Zakaria bin Ahmad dan bonda, Jamilah bt Ahmad serta suami yang tersayang lagi dikasihi iaitu Hairun Na'aim bin Jaapar, anak-anak yang dicintai iaitu Nur Syaza Aqilah, Muhammad Ariff Hakimi dan Sofea Aleesya.

Tidak lupa juga teristimewa kepada para pensyarah yang terlalu banyak mencurahkan ilmu pengetahuan.....

Semoga diberkati Allah S.W.T dan berbahagia selalu.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia projek kajian ini iaitu Hj. Ashari bin Sikor di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan dan tidak berbelah bahagi. Tanpa bimbingan yang diberikan, tidak mungkin kajian ini akan berjaya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah dan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung yang turut memberikan panduan, pandangan serta tunjuk ajar dalam usaha menyiapkan dan merealisasikan kajian ini. Segala tunjuk ajar dan jasa kalian amat berharga.

Kepada kaum keluarga terutama ayahanda dan bonda iaitu Zakaria bin Ahmad dan Jamilah binti Ahmad, suami yang tercinta iaitu Hairun Na'aim Jaapar serta anak-anak tersayang iaitu Nur Syaza Aqilah, Muhammad A'riff Hakimi dan Sofea Aleesya, terima kasih di atas segala pengorbanan dan pengertian yang diberikan serta dorongan yang menguatkan semangat untuk terus berusaha tanpa putus asa.

Akhir sekali ribuan terima kasih buat teman-teman di atas pandangan, pendapat, dorongan, tunjuk ajar, nasihat serta sokongan moral yang telah diberikan sepanjang usaha saya menyiapkan penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua.

Insya Allah. Sekian.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii

I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Tujuan Kajian	12
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Soalan Kajian	13
1.7	Hipotesis Kajian	14
1.8	Kerangka Konsep Kajian	15
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.10	Skop Kajian	18
1.11	Batasan Kajian	18
1.12	Definisi Pengoperasian	19

II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Kepentingan Menuntut Ilmu	23
2.3	Pelajar Dewasa	25
2.3.1	Senario Pelajar Dewasa	26
2.3.2	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dewasa untuk Terus Belajar	28
2.4	Kajian Mengenai Teknik Pembelajaran	30
2.5	Kemahiran Pengurusan Belajar	32
2.6	Teknik Pengurusan Masa	34
2.7	Teknik Membaca	36
2.7.1	Ciri-ciri Teknik Membaca	37
2.7.2	Cara Membaca Kaedah SQ3R	40

2.7.3	Cara Membaca Kaedah P.Q.R.S.T	41
2.7.4	Cara Membaca Kaedah READS	42
2.7.5	Teknik Membaca- <i>Skimming</i> dan <i>Scanning</i>	44
2.8	Teknik Mengingat	46
2.9	Teknik Mencatat	48
2.9.1	Kepentingan Mencatat Nota	49
2.9.2	Jenis Catatan Nota	50
2.9.3	Pengambilan Nota Yang Baik	51
2.9.4	Ciri-ciri Nota Yang Baik	51
2.9.5	Jenis-Jenis Lakaran Catatan Nota	52
2.10	Teknik Mendengar	54
2.10.1	Kepentingan Kemahiran Mendengar	55
2.10.2	Persediaan Mendengar	55
2.10.3	Mendengar dengan Berkesan	57
2.10.4	Kaedah Kemahiran Mendengar	58
2.11	Teknik Berkumpulan	59
2.12	Hubungan Teknik Belajar dengan Prestasi Pencapaian Akademik	62
2.13	Pembelajaran Lanjutan atau Pembelajaran Dewasa	65
2.14	Program Khas Pengsiswazahan Guru Besar (PKPGB)	67
2.15	Rumusan	68



PTM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	69
3.2	Rekabentuk Kajian	70
3.3	Kerangka Kerja Operasi	71
3.4	Tempat Kajian	72
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	72
3.6	Instrumen Kajian	74
3.6.1	Soal.Selidik	74
3.6.2	Temubual	77
3.6.3	Kesahan	79
3.6.4	Kebolehpercayaan	80
3.7	Kajian Rintis	80
3.8	Pengumpulan Data	83
3.9	Penganalisaan Data	85
3.10	Rumusan	88

IV

ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	89
4.2	Statistik Deskriptif	90
4.3	Analisis Maklumat Demografi	90
4.3.1	Jantina	91
4.3.2	Tempat Bertugas	92
4.3.3	Umur	94
4.3.4	Bangsa	95
4.3.4	Pengalaman	97

4.4	Dapatan Kajian	98
4.4.1	Teknik Pembelajaran yang Dominan di kalangan Pelajar Dewasa	99
4.4.1.1	Analisis Teknik Membaca	102
4.4.1.2	Analisis Teknik Mencatat Nota	104
4.4.1.3	Analisis Teknik Mengingat	106
4.4.1.4	Analisis Teknik Mendengar	108
4.4.1.5	Analisis Teknik Berkumpulan	110
4.4.2	Tahap Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar Dewasa	112
4.5	Statistik Inferensi	114
4.5.1	Hubungan Signifikan secara statistik Teknik Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik	114
4.5.2	Perbezaan secara statistik Teknik Pembelajaran antara Pelajar Dewasa Lelaki dengan Pelajar Wanita	117
4.6	Analisis Data Temu Bual Sokongan	120
4.7	Rumusan	123

V

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	124
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	125
5.2.1	Latar Belakang Responden	125
5.2.2	Teknik Pembelajaran yang Dominan di Kalangan Pelajar Dewasa	127
5.2.2.1	Teknik Berkumpulan	127
5.2.2.2	Teknik Mendengar	129
5.2.2.3	Teknik Membaca	130

5.2.2.4	Teknik Mencatat Nota	131
5.2.2.5	Teknik Mengingat	133
5.2.3	Tahap Pencapaian Akademik Pelajar Dewasa	136
5.2.4	Hubungan antara Teknik Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar Dewasa	138
5.2.5	Perbezaan Teknik Pembelajaran antara Pelajar Dewasa Lelaki dengan Pelajar Wanita	142
5.3	Cadangan	144
5.3.1	Cadangan bagi Kepada Pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	145
5.3.2	Cadangan Kepada Pelajar Dewasa	146
5.3.3	Cadangan Untuk Kajian Seterusnya	148
5.4	Penutup	149
	BIBLIOGRAFI	150



PTTA UTHM
PERKHIDMATAN TUNKU AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jumlah Populasi dan Sampel PKPGB	73
3.2	Format Skala Likert	75
3.3	Agihan Soalan Berdasarkan Pembolehubah Teknik Pembelajaran	76
3.4	Interpretasi Skor <i>Alpha Cronbach</i>	82
3.5	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	83
3.6	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	86
3.7	Tahap Skor Min	86
3.8	Penganalisaan Data Berdasarkan Persoalan Kajian	87
4.1	Peratus Responden Mengikut Jantina	91
4.2	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Tempat Bertugas	93
4.3	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Umur	94
4.4	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa	96
4.5	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman	97
4.6	Analisis Pembolehubah Mengikut Teknik Pembelajaran	100

4.7	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Teknik Membaca	103
4.8	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Teknik Mencatat Nota	105
4.9	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Teknik Mengingat	107
4.10	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Teknik Mendengar	109
4.11	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Teknik Berkumpulan	111
4.12	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut <i>CGPA</i>	112
4.13	Hubungan Antara Teknik Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik	115
4.14	Ujian –T tidak Bersandar Bagi Pelajar Dewasa Lelaki dengan Pelajar Wanita dari segi Teknik Pembelajaran	118
4.15	Analisis Temu bual Sokongan Pelajar Dewasa PKPGB	120



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	16
3.1	Kerangka Kerja Operasi	71
3.2	Kaedah "Coding System"	79
4.1	Carta Pai Pecahan Responden Mengikut Jantina	92
4.2	Carta Pai Kekerapan Pelajar Mengikut Tempat Bertugas	93
4.3	Carta Pai Peratus Responden Mengikut Umur	95
4.4	Carta Pai Peratus Responden Mengikut Bangsa	96
4.5	Carta Pai Peratus Responden Mengikut Pengalaman	98
4.6	Carta Pai Peratus Responden Teknik Pembelajaran Yang Dominan	100
4.7	Carta Pai Peratus Responden Mengikut CGPA	113

SENARAI SINGKATAN

CGPA	-	Purata Nilai Gred Kumulatif
H_0	-	Hipotesis Null
H_A	-	Hipotesis Alternatif
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PBB	-	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKPGB	-	Program Khas Pengsiswazahan Guru Besar
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	160
B	Temu bual Sokongan	167
C	Pengesahan Borang Soal Selidik	170
D	Kajian Rintis	175
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	187
F	Dapatan Demografi	190
G	Data Teknik Pembelajaran yang Dominan	192
H	Data Teknik Membaca	193
I	Data Teknik Mencatat Nota	196
J	Data Teknik Mengingat	199
K	Data Teknik Mendengar	202
L	Data Teknik Berkumpulan	205
M	Tahap Pencapaian Akademik	208
N	Hubungan Teknik Pembelajaran dengan Nilai Gred Kumulatif (CGPA).	209
O	Perbezaan Teknik Pembelajaran antara Jantina	211

ABSTRAK

Teknik pembelajaran yang bersesuaian di kalangan pelajar dewasa dalam proses pembelajaran akan mewujudkan satu suasana pembelajaran yang aktif dan kondusif. Tujuan kajian ini bagi mengenal pasti teknik pembelajaran yang dominan di kalangan pelajar dewasa dan tahap pencapaian akademik pelajar dewasa berdasarkan Nilai Gred Kumulatif (*CGPA*). Selain itu kajian ini untuk mengenal pasti sekiranya terdapat hubungan antara teknik pembelajaran dengan pencapaian akademik. Seterusnya kajian ini juga untuk mengenal pasti perbezaan teknik pembelajaran antara pelajar lelaki dewasa dengan pelajar wanita. Kajian ini memfokuskan kepada pelajar dewasa Program Khas Pengsiswazahan Guru Besar (PKPGB) di UTHM yang berumur dalam lingkungan 45 tahun sehingga 50 tahun. Sampel kajian terdiri daripada 81 orang pelajar yang merupakan guru besar sekolah. Kajian dilakukan secara kaedah tinjauan melalui pengedaran borang selidik dan temu bual sokongan sebagai alat instrumen. Data-data dianalisis menggunakan pakej perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 12.0 bagi mendapatkan min skor, peratusan dan sisihan piawai. Korelasi Spearman Rho's digunakan untuk menentukan hubungan antara teknik pembelajaran dengan pencapaian akademik manakala ujian-T tidak bersandar pula digunakan untuk menentukan perbezaan dari segi teknik pembelajaran di kalangan pelajar dewasa mengikut jantina. Hasil kajian mendapati teknik pembelajaran yang dominan digunakan oleh pelajar dewasa ialah teknik berkumpulan dan teknik mendengar. Manakala terdapat hubungan antara teknik pembelajaran dengan pencapaian akademik walaupun pada tahap yang lemah. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan dari segi teknik pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dewasa mengikut jantina.

ABSTRACT

Appropriate learning technique for adult student in learning process may create active and conducive learning environment. The purpose of this study is to investigate the dominant learning technique in adult learning process and academic achievement based on *CPGA*. Apart from that study to see if there are relationships between learning techniques with their academic achievement is stated. Thus, it also to see different learning technique between gender. The learning technique is specific to reading technique, note-taking technique, memorizing technique, listening technique and grouping technique. This study focuses to respondent in *Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB)* who is 45 to 50 years old. The samples are a group of 81 adult students whose post headmaster at primary schools. Data collection method was made through questionnaires and supportive interview as an instrument. The data were analyzed by using of *Statistical Package For Social Science (SPSS)* Version 12.0 software to obtain a percentage, mean score and standard deviation to identify dominant learning technique and academic achievement. Spearman Rho's correlation are used to see the relationship among learning technique with academic achievement and Independent T-test are used to see differences of learning technique between gender. The result of this study show that dominant learning techniques among the adult students is group study technique and followed by listening technique. The findings also show that there are weak relationships between learning techniques against adult student's academic achievement. However, this study indicated that there has different learning technique between genders.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam dunia moden yang serba mencabar ini, bidang pendidikan amat penting kepada kebanyakan orang. Setiap individu dewasa mahupun kelompok manusia mempunyai keinginan untuk belajar mengikut tujuan masing-masing seperti minat, kemahiran tersendiri, mencari kepuasan hidup, memperolehi sumber kewangan, membina personaliti serta memberi sumbangan kepada agama dan bangsa. Setiap orang perlu menanamkan sikap cintakan kecemerlangan dan kejayaan. Dengan wujudnya kepesatan ekonomi dan pembangunan sosialisasi menggalakkan pembangunan individu melalui pembelajaran berterusan bagi meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dengan adanya pendidikan dewasa. Ini disokong oleh Mohd Azhar *et al.* (2004) iaitu perubahan yang berterusan memerlukan pembelajaran yang berterusan

Di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, pendidikan dewasa adalah keperluan sosial yang jelas seiring dengan pembentukan demokrasi dan revolusi perindustrian. Pendidikan dewasa kali pertama muncul di negara-negara Eropah adalah di England pada awal abad kesembilan belas. Manakala pendidikan dewasa hanya mula tumbuh di Amerika Syarikat pada penghujung abad kesembilan belas iaitu sebagai pendidikan tambahan bagi orang dewasa seperti universiti, perpustakaan awam dan muzium (Gesner, 2000).

Satu rumusan mengenai tujuan umum dan tujuan khusus bagi pendidikan dewasa yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam membantu negara-negara yang sedang membangun untuk memajukan rakyat mereka dari segi pengetahuan melalui pendidikan berterusan di mana terdapat pelbagai tujuan pendidikan dewasa di beberapa buah negara yang dikemukakan seperti Australia yang menekankan pada usaha-usaha pengasimilasi para pendatang dengan para penduduk yang telah bermastautin di Australia. Di Sweden pula menyatakan tujuan pendidikan dewasa kepada pendemokrasi dan menciptakan norma-norma kehidupan masyarakat yang lebih baik. Tujuan pendidikan dewasa ini juga terdapat di India di mana masyarakat India menganggap dengan adanya pendidikan dewasa dapat membentuk pembentukan moral, penambahbaikan pengetahuan, meningkatkan efisiensi dalam bekerja dan meningkatkan taraf ekonomi masyarakat (Cross *et al.*, 2001).

Dalam Mohd Azhar *et al.* (2004), menyatakan bahawa pendidikan dewasa sebagai tanda penggerak dalam mengubah masyarakat ke arah lebih bermakna dan ianya merupakan pembelajaran sepanjang hayat di mana ianya ideal sejarah ketamadunan tetapi merupakan gerakan sosial yang tersusun dalam kehidupan baru masyarakat Amerika ketika itu. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa pendidikan seumur hidup adalah warisan dalam sejarah budaya nenek moyang dan terancang dalam kehidupan masyarakat Amerika dan Eropah. Justeru itu, membina pembangunan manusia akan terjadi kalau diberi perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap pendidikan dewasa sebab proses pembelajaran ini harus diperkembangkan dengan cepat seiring dengan pembangunan negara.

Perbincangan mengenai pendidikan kanak-kanak atau remaja di sekolah sudah sering diperkatakan dengan pelbagai perspektif, namun untuk melihat daripada sudut pendidikan dewasa bagi golongan dewasa tidak begitu meluas lagi. Untuk memberikan pendidikan kepada pelajar dewasa perlu di perlakukan dengan pelbagai kaedah dan strategi kerana seorang dewasa tidak boleh diperlakukan seperti kanak-kanak biasa seperti di dalam pembelajaran pedagogi (Aziz, 2002). Oleh itu, adalah perlu di fahami bahawa orang dewasa di lahirkan sebagai peribadi yang memiliki kematangan konsep bergerak secara sendiri daripada pergantungan terhadap orang lain, pengalaman dan penyelesaian melalui pembelajaran dewasa atau pendidikan dewasa (Malcom Knowles, 1990).

Maka, dengan memahami bahawa orang dewasa yang diciptakan mempunyai peribadi dan memiliki konsep diri bergerak dari bergantung seperti zaman kanak-kanak di mana orang dewasa menuju ke arah sendiri atau pengarahannya sendiri. Kematangan psikologi orang dewasa sebagai peribadi yang mampu mengarahkan diri sendiri ini akan mendorong timbulnya keperluan psikologi yang sangat mendalam iaitu keinginan dipandang dan diperlakukan oleh orang lain sebagai peribadi yang mengarahkan diri sendiri bukan diarahkan, dipaksa dan dimanipulasikan oleh orang lain. Dengan demikian begitu apabila orang dewasa menghadapi situasi yang tidak memungkinkan dirinya menjadikan dirinya sendiri maka dia akan merasakan dirinya tertekan dan merasa tidak senang kerana orang dewasa bukannya anak kecil maka pendidikan bagi orang dewasa tidak dapat disamakan dengan pendidikan pelajar di zaman kanak-kanak atau remaja. Oleh itu, perlu difahami apa yang mendorong untuk orang dewasa belajar dan bagaimana teknik atau cara belajar yang baik dalam proses pembelajaran mereka (Johnson *et al.*, 2000).

Oleh itu, ini adalah sejajar dengan matlamat dan dasar negara bahawa pendidikan adalah salah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Peranan utama pendidikan adalah untuk menyediakan seseorang individu memainkan peranan yang positif dan berkesan di dalam masyarakat kerana pendidikan adalah cabang ilmu yang penting di mana-mana sahaja di dunia ini. Menerusi pendidikan, setiap generasi dapat diasuh dan dipupuk agar mereka membesar dan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada Tuhan, dirinya, masyarakat dan negara di masa depan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sejak merdeka sistem pendidikan negara telah mengalami beberapa perubahan yang pesat sama ada dari segi fizikal mahupun kandungannya. Perubahan dan kedinamikan sistem pendidikan negara ini berpunca daripada beberapa faktor iaitu perkembangan sains dan teknologi, perkembangan ilmu yang pesat, pengaruh antarabangsa, permintaan masyarakat, aspirasi politik dan ekonomi. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kini telah melaksanakan perubahan di mana segala dasar dan perubahan yang diperkenalkan menuntut seluruh kaum pendidik atau guru memahami, menghayati dan melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Ini bermakna di bahu kaum pendidik dipertanggungjawabkan tugas berat bagi merealisasikan segala perubahan yang dibawa. Seluruh kaum pendidik di negara ini perlu peka dengan segala perubahan yang berlaku dan perlu melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan yang terkini. Perubahan ilmu yang begitu pantas memerlukan para pendidik melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam konteks memartabatkan profesion perguruan secara berterusan, KPM memberi penekanan berat terhadap kualiti dan latihan dalam pendidikan guru. Guru yang sedang berkhidmat harus diberi latihan profesional dan berkualiti secara berterusan di samping memenuhi keperluan dan aspirasi negara dalam era globalisasi. Ini sejajar dengan peredaran masa yang membawa banyak penemuan baru. Inovasi dan adaptasi terhadap amalan baru menyumbangkan kemudahan pengetahuan. Perubahan pengetahuan ini sebagai satu sumber ilmu pengetahuan yang merupakan suatu perkara yang patut dipelajari dan perlu diteliti secara berterusan (Maznah dan Carter, 2000).

Maka, peluang untuk melanjutkan pelajaran yang disediakan oleh KPM kepada guru-guru yang bukan siswazah, seharusnya diambil untuk menambahkan ilmu pengetahuan seiring dengan perubahan semasa. Sebagaimana satu kursus yang ditawarkan kepada tiga buah universiti di Malaysia iaitu Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) yang merupakan program yang disediakan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan bukan siswazah yang sedang berkhidmat di sekolah yang rata-rata adalah daripada sekolah rendah, pegawai-pegawai pendidikan yang sedang berkhidmat di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), di KPM atau di agensi-agensi yang berkaitan dengan pendidikan. Program ini dijalankan dalam tempoh tiga tahun di universiti tempatan yang terpilih di seluruh Malaysia. Ini adalah kerana Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menetapkan sasaran guru siswazah menjelang 2005 dan 50 peratus guru besar bersiswazah di sekolah rendah menjelang tahun 2010. Program pensiswazahan ditawarkan sekurang-kurangnya kepada 3,000 guru besar dan bakal guru besar untuk mengikuti program pensiswazahan setiap tahun iaitu dalam tempoh tujuh tahun di mana dijangka seramai 21,000 guru besar dan bakal guru besar dapat mengikuti program pensiswazahan bagi merealisasi wawasan KPM (Munirah, 2006).

Pelajar yang mengikuti program khas pensiswazahan guru besar adalah pelajar dewasa yang berusia di antara umur 45 tahun hingga 50 tahun untuk dua kohort yang di terima masuk ke dalam program tersebut (Sapon, 2005). Bagi golongan ini dilihat terdedah kepada cara pembelajaran yang terbaik untuk mereka di dalam mencapai kecemerlangan ketika melewati usia pertengahan dewasa. Sebagaimana menurut Hassan (2002) yang berpendapat bahawa guru-guru yang telah mengajar atau mentadbir sebuah sekolah yang kemudiannya melanjutkan pelajaran perlu merancang cara atau teknik pembelajaran yang baik dan teratur. Beliau juga berpendapat dengan adanya perancangan belajar yang sistematik bermakna juga merancang untuk lulus dalam peperiksaan dengan cemerlang. Malah, Khalid (2002) menyatakan pembelajaran yang berkesan merupakan usaha yang teratur, bersistem, bertatertib serta optimum yang menyepadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk mencapai kecemerlangan.

Ini disebabkan kebanyakan pelajar terutama kepada mereka yang menyambung kembali pengajian di institusi pengajian tinggi memperoleh pencapaian akademik yang mendatar dan di bawah tahap yang sepatutnya terutama kepada pelajar dewasa yang sudah bekerja dan berkeluarga serta lingkungan umur yang boleh dianggap sebagai matang. Pihak institusi pengajian tinggi yang dapat melahirkan pelajar yang meningkatkan dari segi kuantiti, tetapi bukan dari segi kualiti akan mewujudkan bilangan pelajar yang memperoleh kelas pertama dan kelas kedua tinggi adalah amat terhad berbanding pelajar yang memperoleh kelas kedua rendah dan kelas ketiga (Azizi, 2005).

Dalam hasil kajian Zainap (2004), mendapati bahawa majoriti pelajar dewasa UTM yang berkeluarga hanya berjaya memperoleh tahap pencapaian yang sederhana iaitu melebihi setengah daripada jumlah bilangan responden yang terlibat. Hanya sebilangan kecil responden iaitu 2.3 peratus yang memperoleh keputusan cemerlang dari segi akademik manakala selebihnya iaitu 6.8 peratus responden yang mempunyai keputusan yang lemah dalam akademik. Tahap pencapaian akademik yang lemah di kalangan pelajar dewasa terutama yang berkeluarga dan mempunyai usia yang matang di pengaruhi oleh pelbagai faktor (Azizi, 2005). Manakala

menurut Mazanah dan Carter (2000), kehidupan bagi seorang dewasa perlu berurusan dengan pelbagai tugas. Seseorang dewasa kemungkinan tidak ada mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk melakukan sesuatu tugas. Oleh yang demikian, perkara yang perlu diberi perhatian oleh seseorang pelajar itu ialah bagaimanakah cara untuk menghadapi situasi begini supaya tidak mengganggu pencapaian akademik mereka.

Para pelajar yang melanjutkan pelajaran ke universiti semestinya mahukan kejayaan yang cemerlang dalam setiap peperiksaan terutamanya bagi pelajar dewasa (Sharuddin, 2005). Oleh sebab itu, setiap kejayaan perlulah ada strategi, kaedah atau cara belajar yang sesuai dengan mereka. Ianya disokong oleh Mohd Nasuha (2001) menyatakan, cara belajar yang berkesan sebenarnya merupakan suatu kombinasi pelbagai kaedah atau kemahiran belajar. Malangnya, pelajar dewasa masa kini sentiasa menghadapi masalah pembelajaran dari segi teknik, strategi, cara kaedah dan gaya pembelajaran. Menerusi kajian Blackmore (1996) mencadangkan bahawa salah satu cara yang boleh membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka ialah memahami teknik pembelajaran di kalangan pelajar dewasa. Ini disebabkan pelajar dewasa sedar bagaimana menilai pengalaman yang diperolehi, fakta dan informasi serta pelbagai pengetahuan yang digunakan adalah bertujuan menyelesaikan masalah.

Dalam mencapai kecemerlangan akademik seseorang pelajar hendaklah mempunyai matlamat untuk mencapai kejayaan. Terdapat beberapa unsur yang boleh mengganggu kejayaan. Sulaiman (2002) menjelaskan bahawa perkara-perkara yang boleh menghalang pencapaian akademik yang tinggi ialah tidak mempunyai matlamat yang jelas, tiada cita-cita, tidak mengurus masa dengan betul, malas belajar, lemah semangat dan berfikiran negatif. Justeru itu, para pelajar harus tahu bagaimana untuk memperbaiki dalam memperolehi pencapaian akademik yang tinggi.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Abu Bakar *et al.* (1997) keatas prestasi pelajar di Universiti Teknologi Malaysia mendapati aktiviti pembelajaran secara berkumpulan boleh meningkatkan kemajuan akademik tetapi majoriti pelajar menyatakan mereka tidak melaksanakan aktiviti tersebut. Ini menunjukkan bahawa penggunaan teknik belajar tidak meluas di kalangan para pelajar secara tidak langsung akan memperolehi keputusan akademik yang tidak memberangsangkan. Bagi para pelajar yang berkeluarga, masa dan kewangan merupakan satu perkara yang perlu di ambil kira. Ini disebabkan pembahagian masa dan kewangan merupakan perkara penting bagi pelajar yang berkeluarga melanjutkan pelajaran di universiti kerana pelajar masa kini terdedah dengan pelbagai kegiatan sosial dan kemajuan teknologi maka waktu belajar yang berkualiti dan suasana belajar yang ideal amat terhad (Sherina, 1999).

Tidak dinafikan bahawa setiap orang mempunyai teknik pembelajaran yang tersendiri dan ini di sokong melalui hasil kajian Boon dan Ragbir Kaur (1998) yang menyatakan bahawa setiap pelajar mempunyai teknik pembelajaran tersendiri. Teknik pembelajaran pelajar terutamanya pelajar dewasa adalah ditentukan oleh personaliti diri yang berbeza. Sebagaimana pendapat Lee Chuang Chong (1998) menjelaskan, personaliti seseorang dan perbezaan individu amat mempengaruhi teknik pembelajarannya. Manakala perbezaan yang dinyatakan dalam konteks ini bukan berkaitan dengan kecerdasan tetapi teknik pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Daripada kajian Dunn & Griggs (1995) ada menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan teknik pembelajaran yang konsisten dan spesifik akan mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang tidak menggunakan teknik pembelajaran betul. Namun begitu, teknik pembelajaran seseorang pelajar perlu diuji dahulu kerana teknik pembelajaran yang berbeza akan menghasilkan pencapaian yang berlainan (Dirkx *et al.*, 1994).

BIBLIORAFI

- Ab. Rahim Selamat (2001). *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Abd Rashid Hassan (2000). *Amalan Pembelajaran di Kalangan Pelajar Dewasa Secara Jarak Jauh*. Universiti Pertanian Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abd. Ghani Awang (2000). *Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Hashim, *et.al* (1997). *Kajian Prestasi Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai Fakulti Pendidikan UTM.
- Abdul Wahid Nuruddin. (2004). *Stress Pekerjaan di Kalangan Guru*, Tesis M.Sc (Pengurusan). Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Ahmad Firdaus Dahalan (2006). *Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Malaysia: Tesis Sarjana UTHM*.
- Ahmad Mahzan (2000). *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zaid Razali (2006). *Modul Kemahiran Pembelajaran*. Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- Anita E, Woolfook (2003). *Educational Psychology for Adults Learner*. USA: Prentice Hall. pg 126-129.
- Aziz Salleh (2002). *Kaedah Pembelajaran Orang Dewasa*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn.Bhd.
- Azizi Hamid (2005). *Teknik Pembelajaran Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Merentas Fakulti*. UTM: Projek Sarjana.
- Azmanira Mohamed (2006). *Perlaksanaan Kerja Amali dan Hubungannya terhadap Keterampilan di Kalangan Pelajar Kejuruteraan*. Tesis Sarjana UTHM.
- Blackmore, V (1996). *Adult Learning in the Context of Adult Development*. Empire State College Research Series, Saratoga Springs, N.Y. Eric.edu.my.
- Boon dan Ragbir Kaur (1998). *Strategies for Educational Diverse Learners*. Phi Delta Kappa: Educational Foundation.
- Bordens and Abbott (2001). *Research in Education*. Needham Height, M.A: Allyn and Bacon (8th Edition).
- Borg, M.G. & Riding, R.J (1997). Teacher Stress And Cognitive Style. *British Journal of Educational Pshycology*, 63 (20: 271-286).
- Brockett, Trevor (1985). *Understanding and Facilitating Adult Learning*. Open University Press: England.
- Chua Yan Piaw (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Chuah Chong Cheng (1999) dalam Abd. Ghani Awang (2000). *Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi*. KualaLumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Cooper dan Shindler (1989). *The Survey Reseach Handbook for Management Development Review*. Volume 8 Number 4. pp 23-26 MCB. University Press.
- Cross et al (2001). *The issue of Andragogy*. Adult Education: Jossey Bass Classic.
- Da Lavindson (1978) dalam Anita E, Woolfook (2003). *Educational Pscychology forAdults*. USA: Prentice Hall pg 126-129.
- David Jones. (2003). *Adult Education and Cultural Development*.5th Edition New York: Routledge.
- Dirkx, J.M., and Jha, L.R. (1994). *Completion and Attrition in Adult Basic Education*. Adult Education Quarterly 45, no.1 (Fall, 1994) 269-285.
- Doris and Janet Shucksmith (1993). *Learning Strategies*. London : Routledge Education Books.
- Dunn,Rita & Griggs Shirley A (1995). *Meta Analytic Validation of the Dunn & Dunn Model of Learning Style Preferences*. Journal of Education Research, vol 88 (issue 6).
- Edward M.Anthony (2004). *Goals and Techniques for Teaching and Learning*. Mc Graw Hill: England.
- Felder Olson M.H (1993). *An Introduction to theories of Learning*.. 6th Edition. New Jersey: Prentice Hall.Inc.
- Gesner,G.G (2000). *Adult Education Foundation of Practice New York* : Harper and Rows.
- Glien A and Glien R (2003). *Survey Research Methods* . (2nd Edition). Belmont, California: Wadsworth Publising Company.

- Gregg (1972) dalam Ismail Zain (2003). *Pelajar Cemerlang Melangkah Ke Alam Siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd.
- Grove and Schmeck (1970). *Successful Study*. London: Hodder and Stoughton.
- Hashim Muzbidi Ahmad (2002). *Kemahiran Belajar: Jenis dan Teori Yang Berkaitan*. Kuala Lumpur. Al-Hidayah Publishers.
- Hassan Ali (2002). *Strategi Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur. Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Huitt, W. (1995). *A systems model of the teaching/learning process*. Valdosta, GA: College of Education, Valdosta State University.
- Ismail Zain (2003). *Pelajar Cemerlang Melangkah Ke Alam Siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd.
- Jauharah Hj.Tak (2003). *Penyelesaian Masalah dan Pemikiran Kreatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, B. & Christensen, L. (2004). *Educational research: Quantitative, Qualitative & Mixed Approaches*. New York: Pearson Education Inc.
- Johnson, D.W. & Johnson, R.T (2003). *Learning Together and Alone : Cooperative Competition and Individualistic Learning*. USA: Prentice Hall. Inc.
- Johnson, L.G, Schwartz, R.A & Bower, B.L (2000). *Managing stress among adult women students in community colleges*. Community College Journal of Research and Practise, 24, 289-300.
- Kerlinger, F. N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart, & Winston.

Khalid Mohamed Noor (2002). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Edisi ke-6 Kuala Lumpur. Cahaya Pantai Sdn.Bhd.

Knox, A B (1996). *Helping Adults Learn: A Guide to Planning Implementing and Conducting Programmes*. Jossey-Bass Publishers. San Francisco.

Kolb (1971). *Improving Field Education Through Kolb Learning Theory*. Journal of Social Work Education.

Latifah Yaacob (1999). *Teknik Belajar Tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Perhubungan terhadap Prestasi Pencapaian Akademik*. Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasioanal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Lau dan Zainuddin (2001). *Statistik Asas UiTM*. Shah Alam:Fajar Bakti

Lee Chuah Chong (1998). *Saya Lulus Periksha : Belajar untuk Berjaya*.Shah Alam: Times Book International.

Levy, P.S, Lemeshow , S (2003). *Sampling of Population : Methods And Application*New York: John Wiley & Sons, Inc.

Lindgran,H.C and Byrne, D. (1975). *Pyschology: An Introduction To Behavioral Science Great Britain*: Belmout Press.

Maddox (1998). *How To Study*. Great Britain : David & Charlie Publisher Limited.

Malcom Knowles, (1990). *The Adult Learner: A Negleted Species* . Houston Guff.

Maznah dan Carter, G.L (2000). *Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd.

- McClusky, H. Y. (1974). The coming of age of lifelong learning. *Journal of Research and Development in Education*, 7(4), 97-107
- Marohaini Yusoff (2001). "Penyelidikan Kualitatif." Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. ISBN 983-100-115X
- Mohd Ariff Hussain (2004). *Teknik-Teknik Belajar, Cara Belajar & Aplikasi Di Dalam Proses Pembelajaran*. Jurnal Pendidikan. Jilid 5. Maktab Perguruan Sandakan, Sabah.
- Mohd Azhar *et.al* (2004). *Andragogi: Mengajar Orang Dewasa Belajar*. Siri Pembangunan Pendidikan, PTS Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia., Skudai Johor.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia., Skudai Johor.
- Mohd Nasuha Jamidin (2001). *Kemahiran Berfikir dan Belajar*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1991). *Metadologi Penyelidikan*. 2nd Edition. Bangi : Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zamri Hamzah (2002). *Pembelajaran dan Kaedah dalam Pendidikan*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munirah Salleh (2006). *Pengurusan Tekanan Di Kalangan Pelajar Program Khas Pengsiswazahan Guru Besar di UTHM* : Projek Sarjana UTHM.

- Noraida Ahmad (2003). *Satu Kajian Mengenai Teknik Pembelajaran di Kalangan Pelajar-Pelajar SPH di UTM Skudai dan Kaitannya Keputusan Peperiksaan Semester*. UTM: Tesis Sarjana.
- Noraini Ahmad, (2004). *Pengurusan Masa*. Bagaimana Meleraikan Diri daripada Perangkap Masa. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Nottingham Andragogy Group (1983). *Towards a developmental theory of andragogy*. Nottingham, England: Department of Adult Education.
- Padillah Haji Ali (2001). *Teknik Belajar untuk Kejayaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysian. Kuala Lumpur.
- Price, G (1978). *Style and Strategies of Learning* : British Journal of Learning Psychology 40pp 128-149.
- Rahmad Sukor Abd Samad (2002). *Bagaimana Belajar*. Dewan Siswa. pp50-51.
- Robiah Zakaria (2004). *Hubungkait antara Budaya Pembelajaran Pelajar dengan Pencapaian Akademik dalam Bidang Teknikal: Satu Kajian di Sekolah Menengah Teknik (SMT) Johor*: Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Roslan Rahman (2001). *Kesan Teknik Pembelajaran Terhadap Pencapaian Akademik*. Jurnal Pendidikan. Jilid 24. UKM Bangi, Selangor.
- Rosnani et.al (2006). *Tahap Kesediaan Teknologi Dikalangan Guru : Sejauhmana Pengaruh Faktor Demografi?* Jurnal Teknologi Pendidikan Ke-19. Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rothtein, M (1990). *Learning Behaviors*. In Saracho, Olivio N. *Cognitive Style in Early Education*. London : Gordon and Breach Science Publishers.

- Rowntree, G (1974). *Technique & Strategies of Learning British Journal of learning Psyschology*. 40pp 128-149.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia. Sdn.Bhd.
- Sapon Ibrahim (2005). Kertas kerja: *Cadangan Penawaran Program Akademik Baru Sarjana Muda Pendidikan di Fakulti Pendidikan Teknikal*. Jabatan Iktisas Pendidikan. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, KUiTTHO.
- Sekaran, U (1992). *Research Methods For Business*. United States of Amerika: John Wiley & Sons.Inc.
- Sharani Hamid (2004). *Hubungan Teknik Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik*.UTM: Tesis Sarjana.
- Sharin Azizan (2006). *Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Dewasa: Satu Tinjauan di Universiti Putra Malaysia*: Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan UPM
- Sharuddin A. Latiff (2005). *Teknik Pembelajaran Pelajar Dewasa Sepenuh Masa di UTM*. Prosiding Seminar Kebangsaan 2005.
- Sherina (1999). *Kaedah Belajar dan Berjaya dalam Peperiksaan*. Kuala Lumpur. Golden Books Centre Sdn.Bhd.
- Siti Hawa Munji (2000). *Kajian Penggunaan Teknik Belajar oleh Pelajar UPM*. Universiti Putra Malaysia : Tesis Sarjana.
- Siti Rahayah (2003) dalam Ahmad Firdaus Dahalan (2006). *Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Malaysia*.

- Sulaiman Masri (2002). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Publication & Distribution Sdn.Bhd.
- Staton (1954) dalam Abd. Ghani Awang (2000). *Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi (2002). *Kaedah Penyelidikan dan Sains Sosial* : Dewan Bahasa Dan Pustaka. hlm 89-49.
- Tadlock (1978) dalam Abd. Ghani Awang (2000). *Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vella, J, (1994). *Learning to Listen, Learning To Teach*. San Fransisco: Jossey-Bass, pp3-22.
- Wan Zuraida (2004). Hubungan Teknik Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik. UTM: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Wiersma, W (1995). *Research Method In Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Wilén dan William (2002). *Critical Thinking and Questioning*. Workshop on Critical Thinking and Questioning, Staff Training and Development Unit, Ministry of Education, Kuala Lumpur.
- Zainap Samad (2004). Teknik Pembelajaran Pelajar Dewasa Berasaskan Gaya Pembelajaran. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainordin Talip (2002). *Gaya pembelajaran Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Merentasi Fakulti*. UTM: Tesis Sarjana.
- Zulkipli Ismail, et.al (2003). *Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.